

Headline	539 projek infrastruktur tahun 2021		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Jan 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	19	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan	AdValue	RM 8,268
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,804



539 projek infrastruktur tahun 2021

Fokus KPLB meskipun berdepan kekangan berikutan penularan pandemik Covid-19

TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Sebanyak 539 projek infrastruktur dirancang oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sepanjang tahun ini meskipun berdepan kekangan berikutan penularan pandemik Covid-19.

Menterinya, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, projek tersebut termasuk sambungan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang perlu diberi keutamaan, disegerakan dan dipantau rapi.

"Ia bagi memastikan pelaksanaan projek berkaitan

dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan," katanya dalam Amanat Tahun Baharu KPLB yang disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook kementerian berkenaan.

Menurutnya, fokus kedua KPLB adalah untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

"Kita sedia maklum, Paras Garis Kemiskinan telah dipinda daripada RM960 kepada RM2,208 pada tahun 2019. Ia telah menyebabkan bilangan isi rumah miskin di luar bandar meningkat daripada 78,187 isi rumah pada April 2020 kepada 182,116 isi rumah.

"Bilangan ini dijangka meningkat susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyukarkan rakyat untuk keluar bekerja," katanya.

Abdul Latiff berkata, terdapat 20 program berkaitan pembasmian kemiskinan yang diatut KPLB.

Menurutnya, KPLB perlu menyelaras semula program



Abdul Latiff menyampaikan Amanat Tahun Baharu Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook KPLB pada Jumaat.

berkenaan bagi mengelak pertindihan dan mampu mengeluarkan mereka yang berkaitan daripada lingkaran garis kemiskinan.

Selain itu, katanya, analisis

data kemiskinan dan program lebih bersasar perlu dilaksanakan untuk memberi impak positif kepada golongan miskin dan miskin tegar di luar bandar serta tumpuan juga diberikan

untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar iaitu memperkasakan ekonomi luar bandar dengan memelopori sumber ekonomi baharu.

"Tumpuan tidak seharusnya diberikan kepada komoditi seperti sawit dan getah tetapi juga tanaman-tanaman kontan yang lain.

"KPLB boleh bekerjasama dengan agensi lain seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Pertanian Malaysia untuk mendapatkan maklumat mengenai tanaman-tanaman baharu yang boleh diusahakan," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, aktiviti pelancongan memerlukan strategi baharu berikutan kesan pandemik Covid-19.

"Usahawan luar bandar pula mesti mengambil peluang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk meningkatkan jualan dalam talian," katanya.